

Belajar bahasa asing boleh kurangkan konflik – Dr. M

Umm - 22/8/2006

PETALING JAYA, 21 Ogos — Pembelajaran dan pengetahuan tentang bahasa asing boleh membantu dalam mengurangkan dan menyelesaikan masalah serta konflik dunia hari ini, dengan mewujudkan persefahaman kalangan orang ramai, kata Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, dengan belajar dan mengetahui bahasa orang lain, seseorang itu mampu berkomunikasi dan memahami dengan lebih baik antara satu sama lain dan ini mungkin boleh membantu mengurangkan konflik yang menjurus kepada banyak pembunuhan sebagaimana yang disaksikan dunia hari ini.

Dr. Mahathir berkata, beliau percaya bahawa manusia kini hidup dalam dunia tidak bertamadun kerana mereka cenderung untuk saling berbunuhan bagi menyelesaikan masalah antara negara.

"Ini bukan cara bertamadun... Cara paling bertamadun ialah dengan belajar bahasa orang lain. Bayangkan Presiden Bush (Presiden Amerika Syarikat George W. Bush) bercakap dalam bahasa Arab kepada Osama bin Laden (pemimpin Al-Qaeda) untuk menjelaskan masalah Amerika dan Osama pula menerangkan masalah yang dihadapinya."

"Kemudian mereka berdua mungkin menyelesaikan masalah mereka dan bercakap antara satu sama lain," kata Dr. Mahathir semasa berucap pada Seminar Antarabangsa Mengenai Cabaran Multimedia dalam Pembelajaran Bahasa di sini hari ini.

Seminar dua hari itu dianjurkan oleh

Institut Bahasa Moden dan Komunikasi (IMLC) Universiti Multimedia (MMU) bagi membolehkan peserta memahami proses Pembelajaran Bahasa Menerusi Bantuan Komputer (CALL).

Turut hadir pada seminar itu ialah isteri Dr. Mahathir Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, yang juga merupakan Canselor MMU.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa adalah penting dalam dunia hari ini untuk belajar bahasa lain di samping bahasa ibunda, dan dengan kemajuan teknologi terkini, ia memudahkan lagi usaha untuk belajar pelbagai bahasa.

"Jadi pembelajaran pelbagai bahasa akan menyumbang kepada dunia yang lebih aman," katanya.

Beliau juga berkata masalah berkaitan dengan pembelajaran sesebuah bahasa seperti Inggeris adalah berbeza antara sebuah negara dengan negara lain, seperti bagi rakyat Malaysia, China dan Jepun.

Dalam ucapannya itu, beliau turut berkongsi pengalaman bersama isterinya ketika menaiki satu penerbangan ke Jepun buat pertama kali beberapa tahun lalu.

Menurutnya pramugara penerbangan itu membuat pengumuman 'semoga anda melalui penerbangan (flight) yang baik', namun menurutnya disebabkan orang Jepun tidak dapat menyebut huruf 'L' dengan baik, apa yang dituturkan pramugara itu berbunyi seakan-akan membawa maksud 'semoga anda melalui ketakutan (fright)'.

- Bernama

BERNAMA
LEADERSHIP
CON
AN
KEPIMPINAN
TERDANA